



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8000 8000 Email: aduan@rurallink.gov.my | webmaster@rurallink.gov.my

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

E-KERATAN AKHBAR HARIAN

TARIKH : 15 MAC 2019

RUJUKAN : KPLB.UKK.600-11 (20)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

 www.rurallink.gov.my

 Kementerian Pembangunan Luar Bandar

 [kplb_gov](https://twitter.com/kplb_gov)

 [kplb_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)

 [kplb Official](https://www.youtube.com/kplbOfficial)

TARIKH:

15 MAC 2019

HALAMAN:

20

ONLINE

Utusan
MALAYSIA

BERITA HARIAN

Metro

Kosmo!

Sinar

Star

NEW STRAITS TIMES

南洋商報
NANYANG SHANG PAO

東方日報
Oriental Daily News

Utusan
Borneo

THE BORNEO POST

NEW SABAH
TIMES
Sabah's First Established Paper

Enam MRSM catat prestasi cemerlang

Kuala Lumpur: Enam Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) menunjukkan prestasi cemerlang pada peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2018.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Harun, berkata sekolah itu ialah MRSM Kuantan di Pahang, MRSM Kuala Kubu Bharu di Selangor, MRSM Kubang Pasu dan Langkawi di Kedah, MRSM Taiping di Perak dan MRSM Tun Ghafar Baba di Jasin, Melaka.

Katanya, berdasarkan keputusan peperiksaan yang diumumkan semalam, MRSM secara keseluruhan sekali lagi berjaya mencapai prestasi cemerlang dengan pencapaian 100 peratus lulus serta mencatatkan indeks yang baik, iaitu 2.46.

Beliau berkata, nilai Gred Purata Maktab yang kecil, iaitu kurang daripada 2.0 pula menunjukkan

pencapaian sangat baik, iaitu majoriti pelajar mendapat purata gred antara A+ hingga B.

Sasar minimum B semua subjek

"MARA menyasarkan pelajar MRSM memperoleh minimum B bagi semua subjek yang diduduki. Tahun ini seramai 8,149 calon atau 98 peratus mencapai sasaran terbahit. Daripada jumlah itu, seramai 893 atau 11 peratus peratus memperoleh A bagi semua mata pelajaran yang diduduki," katanya dalam kenyataan, semalam.

Rina berkata, pencapaian cemerlang SPM 2018 membuktikan sistem pendidikan MRSM yang fokus kepada enam disiplin utama, mampu melahirkan pelajar luar bandar yang cemerlang.

Sementara itu, BERNAMA me-



Tahniah diucapkan kepada anak-anak yang mengambil keputusan SPM kerana telah berusaha sebaiknya dan apa juga keputusannya yang penting apa yang mereka pilih selepas ini"

Dr Maszlee Malik,
Menteri Pendidikan

laporkan, Menteri Pendidikan Dr Maszlee Malik, berkata keputusan SPM 2018 lebih baik berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Beliau berkata, jika dibandingkan sejak 2014, pencapaian bagi tahun lalu menunjukkan peningkatan yang agak ketara.

"Tahniah diucapkan kepada anak-anak yang mengambil keputusan SPM kerana telah berusaha sebaiknya dan apa juga keputusannya yang penting apa yang mereka pilih selepas ini.

"Apa pun pilihan mereka, lakukan yang terbaik dan bersungguh-sungguh," katanya di lobi Parlimen, semalam.

Pencapaian calon SPM 2018 lebih baik daripada 2017 dengan indeks pencapaian Gred Purata Nasional yang direkodkan 4.89, berbanding 4.90 pada 2017.



MRSM secara keseluruhan sekali lagi berjaya mencapai prestasi cemerlang dengan pencapaian 100 peratus lulus serta mencatatkan indeks yang baik, iaitu 2.46"

Rina Harun,
Menteri Pembangunan Luar Bandar